

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

AMU 303 - Strategi Pengedaran

Masa : [3 jam]

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab SEMUA soalan daripada Bahagian A dan pilih DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, semasa merasmikan Seminar Pengedar-Pengedar Bumiputra berkata:

"Pengedar-pengedar bumiputra tidak seharusnya bergantung kepada kerajaan tetapi hendaklah melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menghadapi era selepas tahun 1990 ...mereka hendaklah peka terhadap perubahan di dalam struktur pasaran dan kaedah-kaedah pemasaran agar dapat berfungsi dengan berkesan dan seterusnya mencatat kejayaan."

Apakah reaksi anda terhadap ucapan Datuk Seri? Cadangkan satu program tindakan yang perlu dilakukan kearah memungkinkan wujudnya pengedar-pengedar yang berjaya.

[30 markah]

...2/-

2. Konsep pemasaran menyarankan organisasi supaya sentiasa peka terhadap keperluan dan kehendak pengguna. Huraikan proses merancang strategi pengedaran supaya program tindakan organisasi serasi dengan konsep ini.

[ 30 markah ]

Bahagian B

3. Bincangkan rasional kewujudan institusi perantara di dalam sistem sosioekonomi.

[ 20 markah ]

4. Konflik kerap kali berlaku diantara pengeluar dan institusi perantara. Apakah faktor yang mencetuskan situasi konflik di dalam saluran pemasaran dan bagaimanakah ianya boleh dikawal?

[ 20 markah ]

5. Perubahan di dalam persekitaran seringkali mencetuskan pertumbuhan institusi perantara yang baru. Institusi perantara yang baru ini sebenarnya tidak melaksanakan sesuatu fungsi atau aliran pemasaran yang berbeza jika dibandingkan dengan institusi perantara yang sedia ada. Institusi perantara yang baru ini cuma menggabungkan atau pun melepaskan salah satu fungsi atau aliran kepada institusi perantara yang lain.

- (a) Huraikan faktor-faktor yang telah mencetuskan perubahan di dalam persekitaran pemasaran di Malaysia di dalam dekad 70an dan 80an dan jenis institusi perantara yang muncul akibat daripada perubahan tersebut.
- (b) Apakah jenis fungsi/aliran pemasaran yang dikendalikan oleh institusi perantara yang terlibat?

[ 20 markah ]

...3/-

6. Restoran Pucuk Ulam yang diusahakan oleh En. Buyong Jantan adalah sebuah restoran yang terkenal di Pulau Pinang. En. Buyong Jantan sedang memikirkan untuk menubuhkan rantai Restoran Pucuk Ulam di semua bandar-bandar utama di Malaysia melalui sistem francais.
- (a) Apakah itu sistem francais?
  - (b) Senaraikan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh En. Buyong Jantan di dalam usahanya menggubal konsep Restoran Pucuk Ulam.
  - (c) Di samping memberi hak francais kepada mereka yang layak, En. Buyong Jantan bercadang untuk menubuhkan restoran yang sama dan akan diuruskan oleh syarikatnya sendiri di setiap bandar yang berpotensi. Maksudnya En. Buyong Jantan ingin mengamalkan strategi "dual distribution". Apakah pendapat anda tentang perkara ini?

[20 markah]

oooooooooooo